

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian Kewangan bercadang untuk menurunkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate or OPR*) kepada paras 1.25% untuk menyokong persekitaran ekonomi dan mempercepatkan kadar pemulihan ekonomi negara. Kalau tidak, kenapa tidak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Penetapan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) adalah diputuskan oleh Jawatan Kuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC). Keputusan ini dibuat berdasarkan prospek keadaan ekonomi Malaysia.
2. Secara keseluruhan, OPR telah diturunkan sebanyak 125 mata asas pada tahun 2020 daripada 3.00% kepada 1.75% untuk menyokong persekitaran ekonomi yang tidak menentu dan mempercepat kadar pemulihan ekonomi. Penurunan OPR ini membantu dalam meringankan beban membayar hutang, mengurangkan jumlah kos pinjaman dan seterusnya mengurangkan kekangan aliran tunai bagi isi rumah, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan syarikat korporat.
3. Pelarasan OPR ini menyokong langkah-langkah monetari dan kewangan lain yang diambil oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Langkah-langkah ini termasuk:-
 - a. Pelanjutan moratorium secara bersasar serta fleksibiliti bayaran balik pinjaman bagi mengurangkan obligasi pinjaman bulanan untuk isi rumah dan perniagaan. Pendekatan bersasar ini akan memastikan lebih banyak sumber tersedia untuk membantu mereka yang mudah terjejas. Pendekatan ini juga membolehkan sektor perbankan menyokong ekonomi secara lebih meluas melalui pemberian pinjaman yang berterusan.
 - b. Peruntukan sebanyak RM18.1 billion (setakat bulan Ogos 2020, Disember 2019: RM9.1 billion) disediakan untuk membantu PKS menerusi dana khusus di bawah Tabung BNM untuk PKS, termasuk penubuhan Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility, SRF*) yang direka bentuk bagi membantu mengatasi masalah aliran tunai jangka pendek yang dihadapi PKS yang terjejas oleh COVID-19 yang telah digunakan sepenuhnya. PKS masih boleh mengakses dana pada kadar yang lebih rendah

daripada kadar pasaran melalui kemudahan lain seperti Kemudahan Semua Sektor Ekonomi (*All Economic Sectors, AES*), Kemudahan Automasi dan Digital (*Automation and Digitalisation Facility, ADF*) dan Kemudahan Agromakanan (*Agrofood Facility, AF*).

4. Berdasarkan prospek pertumbuhan ekonomi dan inflasi pada masa ini, MPC dalam kenyataan dasar moneterinya menyifatkan pendirian dasar monetari adalah wajar dan akomodatif.

5. Melangkah ke hadapan, MPC akan terus menilai keadaan yang sentiasa berubah-ubah dan implikasinya terhadap prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri secara keseluruhan.

Tuan Yang Di-Pertua,

6. Kerajaan terus komited untuk menggunakan alat-alat dasar yang bersesuaian bagi mewujudkan persekitaran kondusif yang menyokong pemulihan ekonomi yang berterusan.

Sekian, terima kasih.